

# Golf malam Darul Ehsan

Beri peluang pemain sibuk dengan tugas beraksi

>>Oleh Sufian Thauri  
Muhammed  
sufianthauri@hmetro.com.my

**B**ERMAIN golf pada waktu malam cukup sesuai untuk pemain yang tidak tahan terik matahari apabila beraksi di sebelah siang ataupun dibelenggu kesibukan tugas.

Di Malaysia, terdapat sejumlah lapangan yang menawarkan permainan waktu malam antaranya Kelab Darul Ehsan (KDE) di Ampang pada setiap Rabu sahaja dengan tee off terakhir jam 8.20 malam.

Meskipun ia lapangan sembilan lubang, namun bukan mudah untuk menawan KDE kerana pemain memerlukan

strategi sesuai selain pemilihan jenis kayu dan pukulan yang tepat.

"Lapangan di sini pendek, fairway sempit dan di setiap lubang ada OB. Cara terbaik untuk menawannya ialah memperbaikkan penggunaan iron berbanding kayu jenis lain," kata Pengurus Golf dan Rekreasi KDE, Rahman Mat.

Terdapat tiga lubang par 3, par 4 dan par 5 di lapangan ini.

Lubang keempat par 3 panjangnya hanya 110 meter (tee biru), tapi tetap mencabar kerana menuntut pemilihan iron pendek yang sesuai dan pukulan tepat kerana pemain akan melepaskan hayuan dari kotak tee yang terletak

kira-kira 6.5 meter lebih tinggi dari green.

Keupayaan pemain mengatur strategi diujji pada lubang kelima par 5 454m apabila pemain tidak digalakkan menggunakan driver, sebaliknya wood, rescue ataupun iron panjang untuk pukulan tee susulan fairway membekok ke sebelah kanan kira-kira 150m dari kotak tee. Kolam di depan kotak tee menambahkan tekanan buat pemain.

Beginipun bagi pemain yang tidak mempunyai pukulan tee yang kuat, mereka boleh menggunakan driver pada lubang ketujuh par 4 338m kerana fairway yang menggunakan rumput jenis cowgrass

itu akan membekok ke kiri selepas jarak 200m.

Satu lagi cabaran menarik ialah di lubang kelapan par 3 178m. Pukulan padu sama ada menggunakan wood atau rescue diperlukan untuk mendaratkan bola di green, tapi belum tentu par atau birdie mampu dicatatkan kerana muka bumi green pula mengelirukan.

Peluang untuk melepaskan geram menggunakan driver sekutu hati diperoleh pada lubang kesembilan par 5 431m tapi pukulan dari fairway ke green perlu berhati-hati kerana green dilindungi kolam di depannya.

Bagi pemain yang mengulang lapangan untuk bermain 18 lubang, mereka akan melakukan pukulan tee di kotak tee merah dengan jarak lubang berbanding tee biru menjadi sama ada lebih pendek atau panjang.

KDE hasil cetusan idea pereka terkenal Ronald Fream mula beroperasi pada 1984. Selain itu, driving range juga unik dengan pemain memukul bola khas yang mudah terapung ke dalam kolam.

## KELAB DARUL EHSAN

Taman Tun Abdul Razak,  
Jalan Kerja Air Lama, 68000,  
Ampang Jaya, Selangor.

### BAYARAN

#### Isnin - Jumaat

18 lubang  
(tee off 8pg-1.30tgh) RM80  
9 lubang (tee off  
1.35tgh-3.30ptg) RM50  
9 lubang (tee off  
3.35ptg-6.15ptg) RM90  
9 lubang malam  
(Rabu saja - tee off  
6.20ptg-8.20mlm) RM65

#### Sabtu/Ahad/cuti umum

18 lubang (tee off  
8pg-1.30tgh) RM140  
9 lubang (tee off  
1.35tgh-3.30ptg) RM90  
9 lubang (tee off  
3.35ptg-6 ptg) RM110



UJIAN...pukulan tee pemain perlu melepas kolam di lubang kelima.